

KUALA LANGAT, SEPANG

HUBUNGI SUKJAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019 6680275 (2)

Empat penjenayah ditangkap

Kereta peronda polis berjaya pintas kereta suspek

NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING

Sekumpulan penjenayah merempuh kereta peronda (MPV) polis ketika cubaan meloloskan diri gagal dalam kejadian di Jalan Bunga Pekan, di sini, semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat berkata, dalam kejadian kira-kira jam 8.15 pagi itu, empat suspek berusia lingkungan 20 hingga 30-an menaiki kereta jenis Honda Civic berwarna kelabu ter-



Dua suspek berjaya ditangkap dihadapan sebuah bank.



Kereta peronda polis berjaya menghimpit dan memintas kereta suspek.

serempak dengan pasukan peronda Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat.

Menurutnya, suspek diarahkan berhenti oleh polis, namun enggan berbuat demikian sebelum memecut laju kenderaannya.

Suspek yang cedera telah dibawa ke Hospital Banting untuk mendapatkan rawat-

an.

"Beberapa MPV datang bantu mengejar suspek sebelum suspek merempuh dua buah kereta MPV polis sebelum terbabas dan melanggar bangunan dinding kedai dan MPV berjaya menghimpit kereta suspek.

"Empat suspek cuba melarikan diri dan salah seorang

daripada mereka bertindak agresif sebelum tembakan dilepaskan dan mengenai pada kaki kanan dan bahagian bahu," katanya.

Fadzil berkata, semua suspek berjaya ditahan dan pemeriksaan pada kenderaan suspek telah menjumpai peralatan hisap dadah serta peralatan pecah rumah.

Katanya, suspek yang cedera dibawa ke Hospital Banting untuk mendapatkan rawatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, kesemua suspek yang berasal dari

Johor memiliki rekod lampau bersabit dadah.

"Malah siasatan kenderaan suspek juga didapati menggunakan nombor pendaftaran palsu," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

INFOGRAFIK TANGKAPAN EMPAT PENJENAYAH DI BANTING



INFOGRAFIK SINAR HARIAN © FRED ZUL FAZLI

Kampung Bandar terus mahsyur



Masjid Sultan Alaeddin



Menjadi pelopor membangunnya daerah Kuala Langat sejak zaman berzaman

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT


Kampung Bandar di Kuala Langat merupakan sebuah kampung yang mempunyai banyak kesan peninggalan sejarah.

Lokasi ini cukup sinonim dengan kehidupan Almarhum Sultan Abdul Samad iaitu Sultan Selangor Keempat dan cucudanya Sultan Alaeddin Sulaiman Shah Sultan Selangor kelima.

Kampung Bandar juga pada suatu ketika dahulu dikenali sebagai Bandar Temasya.

Sebab-sebab dinamakan Bandar Temasya ialah kerana pada zaman pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah terdapat beberapa perkhidmatan seperti Rumah Kastam, Stor senjata, Istana Temasya, Masjid Sultan, Sekolah Arab, Sekolah Perempuan, Kelab DiRaja, Rumah Suluk, Pejabat Kerajaan dan sebagainya.

Pelbagai kemudahan itu juga menjadikan kawasan ini sebagai tempat yang menjadi tumpuan sehingga disebut sebagai Bandar Temasya selain beberapa



D. V. M. Mulla sedang membaca khutbah di dalam Masjid Alaeddin di Bandar Langat.

Bacaan khutbah

monumen tersebut masih kekal sehingga ke hari ini seperti Masjid Diraja Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, Sekolah Kebangsaan Bandar dan Istana Bandar.

Menurut aktivis sejarah, Mohamad Ali Alimin berkata, Bandar Temasya pada lebih terkenal daripada Bandar Jugra.

"Ketika Selangor di bawah pemerintahan Sultan Abdul Samad Ibn Almarhum Raja Abdullah (1857-1898) baginda telah berpindah membuat tempat bersemayannya di Bandar Temasya berikutan daripada berlakunya "Perang Kelang" (1867). Perang

Kelang juga dikenali sebagai Perang saudara yang telah berlarutan selama beberapa tahun.

"Keadaan yang tidak selamat itu menyebabkan Sultan Abdul Samad telah berangkat pindah ke

Bandar Temasya. Namun pada ketika itu juga nama Langat lebih dikenali disebabkan Kuala Langat merupakan kawasan yang di bawah kekuasaan Sultan Abdul Samad,"katanya yang berkongsi kisah asal usul kampung berkenaan.

Mohamad Ali yang pernah menemuramah beberapa orang lama di kawasan itu berkata, terdapat juga kemungkinan faktor keselamatan dan keamanan baginda telah memilih kawasan ini sebagai kawasan yang sesuai untuk bersemayam.

Penduduk Awal Kampung Bandar (Jugra Langat)

Dalam pada itu, Mohamad Ali yang merupakan seorang guru berkata, Sultan Abdul Samad dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab menjadikan Bandar dan Jugra sebagai pusat bersemayam baginda. Malah

kemasukan orang Bugis telah memakmurkan kawasan Langat yang akhirnya menjadi penempatan terbesar masyarakat Melayu Bugis ketika itu.

Melalui cerita orang lama juga, ketika berlaku perang saudara di Klang ramai penduduk Langat yang tidak suka berperang melarikan diri ke negeri-negeri berhampiran termasuk di Perak untuk mendapatkan perlindungan.

"Apabila kawasan Bandar ini dibuka untuk dijadikan kampung, baginda menyeru agar penduduk yang lari supaya kembali ke Kuala Langat dan ketika itu ramailah yang balik semula ke Langat dan meneruskan aktiviti bertani untuk meneruskan kehidupan.

"Bagi orang Melayu pula, kebanyakan mereka berasal dari Perak iaitu sebuah daerah yang bernama Kuala Kurau dan tidak hairanlah terdapat sebuah kawasan di kampung Bandar ini diberi nama

Kampung Kurau yang berketurunan Bugis, Jawa dan Banjar selain terdapat sedikit kaum Cina.

Mohamad Ali turut

menceritakan melalui pengalaman cerita seorang penduduk bernama Haji Satar (Arwah), dia berkata, kira-kira 30 orang penduduk pernah bekerja dengan baginda Sultan Alaeddin membina masjid malah mimbar yang rosak pada ketika itu juga turut dibawa dari masjid Raja Muda Musa dibaki oleh insan berbangsa Cina yang bernama Lun Cun.

Aktiviti di Masjid Sultan Alaeddin

Mohamad Ali memberitahu menurut cerita orang dahulu, ada seorang lelaki bernama Pak Kidol ditugaskan untuk memberikan sedekah sebanyak sepuluh sen kepada setiap jemaah yang hadir.

Aktiviti korban tidak dijalankan di masjid tetapi di rumah-rumah perseorangan.

Selain itu, pada zaman Sultan Alaeddin baginda amat menitikberatkan tentang solat terutama solat Jumaat.

Pada waktu itu baginda sendiri yang akan membaca khutbah di atas mimbar kepada rakyatnya.

Baginda juga telah membuat peraturan dengan menyediakan buku kehadiran Solat Jumaat di mana buku itu akan dijaga oleh seorang pegawai dan diletakkan di hadapan pintu masjid.

Menurutnya pada ketika itu hanya satu pintu masjid sahaja yang dibuka manakala pintu-pintu yang lain akan ditutup bertujuan untuk memastikan setiap jemaah yang hadir akan melalui pintu itu. Sesiapa yang tidak hadir akan perlu membayar denda sebanyak lima ringgit.



MOHAMAD ALI